

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KE-13 (2016)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATO' NGEH KOO HAM**  
**[BERUAS]**

**TARIKH** : **19 OKTOBER 2016 (RABU)**

**SOALAN** :

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan peratusan penjawat awam dalam perkhidmatan Kerajaan dan sejauh manakah Kerajaan telah mempertingkatkan pengambilan bangsa bukan Melayu dalam perkhidmatan Kerajaan untuk mencerminkan dengan lebih tepat komposisi kaum di Malaysia.

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2016, jumlah pengisian pegawai dalam perkhidmatan Awam adalah seramai 1,591,450 orang dengan pecahan peratus kaum sebanyak 78.5% adalah Melayu, 5.6% Cina, 4.04% India dan 11.86% Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli Semenanjung dan lain-lain.

Dasar pengambilan ke dalam perkhidmatan awam yang diamalkan pada masa ini adalah berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon. Semua calon yang memohon akan mempunyai peluang yang sama

untuk dipertimbangkan berdasarkan persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*) tanpa mengira bangsa, agama atau jantina. Melalui sistem pengambilan berkomputer iaitu Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM), semua rakyat Malaysia boleh memohon secara dalam talian (*online*) melalui borang SPA8i di Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) pada bila-bila masa dan di mana jua di seluruh dunia.

Pada masa ini, calon Melayu menunjukkan minat yang tinggi untuk memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Sehingga September 2016, SPA telah menerima sebanyak 1,466,652 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam di mana sebanyak 1,166,514 daripadanya adalah permohonan daripada kaum Melayu, 25,365 permohonan daripada kaum Cina, 47,333 permohonan daripada kaum India, 114,130 permohonan daripada Bumiputra Sabah, 83,256 permohonan daripada Bumiputra Sarawak, 3,589 permohonan daripada Orang Asli dan 26,465 permohonan dari lain-lain kaum.

Daripada jumlah tersebut, seramai 9,990 calon Melayu telah dilantik tetap ke dalam perkhidmatan atau 23.02% daripada jumlah calon Melayu yang hadir temu duga; seramai 1,005 calon Cina telah dilantik tetap atau 44.47% daripada jumlah calon Cina yang hadir temu duga; seramai 727 calon kaum India telah dilantik tetap atau 35.76% daripada jumlah calon India yang hadir temu duga; seramai 1,243 calon Bumiputra Sabah telah dilantik tetap atau 29.48% daripada jumlah calon Bumiputera Sabah yang hadir temu duga; seramai 808 calon Bumiputra Sarawak telah dilantik tetap atau 24.98% daripada jumlah calon Bumiputera Sarawak yang hadir temu duga; seramai 63 calon Orang Asli telah dilantik tetap atau 24.80% daripada jumlah calon Orang Asli yang hadir temu duga; dan seramai 253 calon dari kaum-kaum lain telah

dilantik tetap atau 27.80% daripada jumlah calon kaum-kaum lain yang hadir temu duga.

SPA telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bersama pemimpin masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menggalakkan kaum bukan Melayu untuk berkhidmat dalam sektor awam. Antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya, antaranya adalah seperti berikut:

- i. mengadakan sesi *engagement* dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Cina dan India;
- ii. memperbanyakkan kerjasama dengan media Cina dan India untuk mempromosikan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam di kalangan masyarakat Cina dan India;
- iii. melantik pegawai-pegawai di kalangan kaum Cina dan India untuk bertugas di kaunter-kaunter khidmat pelanggan;
- iv. mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta;
- v. mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/pedalaman untuk menarik calon-calon bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam; dan
- vi. menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) bilakah Balai Bomba baru akan dibina di kawasan Sibu Jaya, Upper Lanang atau mana-mana kawasan di Parlimen Lanang dan Sibu; dan
- (b) sama ada Kementerian berhasrat menambah baik jentera dan peralatan di Balai Bomba Sibu memandangkan banyak kes kebakaran berlaku di Sibu baru-baru ini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek Balai Bomba dan Penyelamat Sibu Jaya, Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* Pertama tahun 2016 bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kebombaanan di kawasan Parlimen Lanang dan Sibu. Status semasa projek ini adalah dalam peringkat rekabentuk dan ianya dijangka ditender pada suku tahun kedua 2017.
  
- (b) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat perancangan jangka masa panjang penambahbaikan jentera dan peralatan di balai-balai melalui program penggantian berdasarkan tempoh yang telah ditetapkan. Pada masa ini, jumlah jentera dan peralatan di Balai Bomba dan Penyelamat Sibu masih mampu menangani kes kebakaran di Sibu dengan sokongan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah.

Apabila siap pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Sibu Jaya pada tahun 2018, ianya sekaligus akan memperkasakan lagi perkhidmatan kebombaan di kawasan Sibu secara menyeluruh.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2016